



Seni tiada sempadan

TIDAK menghiraukan cuaca panas, demi minat terhadap seni menyaksikan sekumpulan pelukis mural sanggup berjemur untuk menghasilkan karya seni mereka.

Kumpulan pelukis dari EM Services itu meluangkan masa untuk menyiapkan lukisan mural di atas arca atau permukaan Bollard.

Karya seni itu mengetengahkan konsep Urban Metropolitan bagi menambahkan keceriaan landskap di sekitar bandar raya Kuala Lumpur.

Inisiatif itu dilakukan oleh kumpulan pelukis berkenaan yang kebanyakannya terdiri daripada graduan Seni Halus Universiti Teknologi Mara (UiTM) bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

■ SEORANG pelukis mural menyiapkan karya seninya dalam cuaca panas di Kuala Lumpur, di sini semalam. - UTUSAN/MOHD FARIZWAN HASBULLAH